

## UCAPAN YANG DIPERTUA UMNO DAN PERDANA MENTERI DI UPACARA IKRAR MENYAMBUT ULANG TAHUN UMNO YANG KE DUA PULUH LIMA DI STADIUM NEGARA, KUALA LUMPUR PADA 10HB MEI, 1971

Kita semua berhimpun di sini pada hari ini ialah pada waktu dan ketika yang penting dan bersejarah bagi Parti kita UMNO, iaitu ketika kita menyambut usia Parti kita yang ke dua puluh lima tahun.

Kehadiran saudara-saudara di majlis yang bersejarah ini adalah membuktikan dengan jelas dan terangnya akan kejayaan kita, ahli-ahli UMNO, menjaga keutuhan dan perpaduan Parti dan juga kesediaan dan kesanggupan kita menyambung perjuangan UMNO di atas landasan yang telah dibena dengan kukuh dua puluh lima tahun yang lalu.

Dalam masa suku abad ini, UMNO, sebagai Parti yang mewakili orang Melayu, telah berjuang di tengah-tengah gelanggang politik negara untuk kepentingan umat Melayu khususnya dan kepentingan bangsa dan negara amnya. Kita semua bersyukur ke hadrat Tuhan Rabulalamin, pada hari yang bersejarah ini sungguhpun UMNO sekarang berusia dua puluh lima tahun, akan tetapi ia masih lagi kuat dan subur. Saya sendiri mempunyai keyakinan yang penuh bahawa UMNO akan bertambah kuat dan subur pada masa-masa yang akan datang.

Di hari yang bergembira dan bersejarah ini, marilah kita mengucap syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala di atas hidayahNya kepada kita semua dan perkenanNya dalam segala usaha dan perjuangan Parti kita ini. Oleh itu kita bersama-sama di majlis ini berikrar dan membaharui azam dan tekad untuk mencapai kejayaan-kejayaan yang lebih cemerlang dan menafaat lagi kepada bangsa, negara, parti dan kita semua di masa-masa hadapan.

Sebagai Yang Dipertua UMNO, saya sangatlah terharu mendengar dan menerima ikrar taat setia saudara-saudara, ahli-ahli UMNO sekalian yang telah dilafazkan oleh Ketua Pergerakan

Pemuda sebentar tadi. Saya yakin dengan pembaharuan ikrar taat setia kepada pucuk pemimpin Parti dan patuh kepada dasar dan perjuangan Parti serta keazaman untuk meneruskan perjuangan Parti, masa hadapan parti kita sangatlah cerah. Saya suka bersama-sama saudara-saudara juga berikrar pada hari ini bahawa saya sendiri pun akan menyabung nyawa saya, jika perlu, bagi mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara kita ini dan bersama-sama mencurahkan usaha dan tenaga bagi menjamin perpaduan dan kebahagiaan hidup rakyat sekalian.

Perpaduan dan cinta kepada tanah air dan bangsa yang ditunjukkan oleh orang-orang Melayu pada masa UMNO ditubuhkan pada 11hb Mei, 1946, hendak dan mestilah diterus dan dikekalkan. Semangat berani dan kesanggupan untuk menjaga dan mempertahankan kepentingan-kepentingan rakyat dan hak-hak asasi kita mestilah dikekalkan, dan diperkukuhkan lagi. Inilah semangat yang ditunjukkan oleh ahli-ahli UMNO dalam masa dua puluh lima tahun mereka berjuang.

Saya bersyukur ke hadrat Tuhan kerana semangat ini masih lagi menyala dalam dada tiap orang ahli UMNO, pemuda dan Kaum Ibu. Saya yakin dan percaya dengan izin Tuhan, semangat ini bukan saja akan terus menyala tetapi merebak di hati setiap ahli UMNO dan Parti kita akan bertambah kuat, bertambah subur dan mencapai kemajuan yang lebih cemerlang lagi pada masa-masa yang akan datang.

UMNO telah dilahirkan pada 11hb Mei, 1946, di Istana Besar Johor Bahru, ekoran dari satu Kongres Politik Melayu yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Mac tahun yang sama. UMNO dilahirkan bagi menentang Malayan Union, iaitu konsep Kerajaan British hendak menjadikan Tanah Melayu sebagai sebuah tanah jajahan langsung atau British Colony dengan merampas hak-hak bangsa Melayu dan kuasa-kuasa yang ada di tangan Raja-raja mereka.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Tuhan, di bawah pimpinan Allahyarham Datuk Onn bin Jaafar, penganjur Melayu yang ulung dan utama, UMNO dan orang-orang Melayu telah berjaya menghapuskan Malayan Union. Malayan Union telah dikuburkan dan Persekutuan Tanah Melayu yang menjamin dan memelihara-

kan kedudukan dan kedaulatan Raja-raja Melayu dan hak-hak istimewa orang-orang Melayu telah dilahirkan pada 1hb Februari, 1948.

Selepas Malayan Union, UMNO telah meneruskan perjuangannya menuntut kemerdekaan bagi Tanah Melayu. Ahli-ahli UMNO berpendapat sungguhpun kuasa telah diserahkan ke tangan Raja-raja Melayu akan tetapi kuasa penuh atau kuasa muktamad dalam urusan-urusan Kerajaan dan pentadbiran negara masih tetap berada di tangan British dan selagi keadaan yang demikian berada, maka nasib umat Melayu tidak dapat dan tidak boleh dibaiki dan Tanah Melayu akan terus dijajah, tidak seperti negara-negara jiran di Asia dan serantau yang sudah pun merdeka pada waktu itu.

Dalam tahun 1951, dengan desakan yang kuat daripada Pergerakan Pemuda UMNO, seruan UMNO "Hidup Melayu" telah ditukar menjadi "Merdeka". Bulan Ogos tahun itu juga pucuk pimpinan UMNO telah berubah. Allahyarham Datuk Onn telah meletakkan jawatan sebagai Yang Di Pertua UMNO dan beliau telah digantikan oleh Tunku Abdul Rahman Putra.

Mulai dari tarikh itu, UMNO telah menjalankan segala ikhtiar dan usaha menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. UMNO telah mengadakan perundingan-perundingan dengan bangsa-bangsa asing yang menumpukan taat setia mereka kepada Persekutuan Tanah Melayu terutama sekali dengan pihak kaum China yang diwakili oleh M.C.A. Di Perhimpunan Agung UMNO yang diadakan di Kuala Lumpur pada 29hb dan 30hb Mac, 1952, UMNO telah membuat ketetapan menuntut Kerajaan Peralihan dengan seberapa segera.

Kerajaan Peralihan ini hendaklah menyediakan dan mengadakan jadual bagi kemerdekaan Tanah Melayu. Waktu itu juga perundingan-perundingan secara informal telah diadakan dengan pihak M.C.A. dan pada 3hb Februari, 1953 satu perundingan yang disebutkan "perundingan meja bulat" telah dilangsungkan yang bertujuan untuk bertukar-tukar fikiran dan mencari kata sepakat dengan pihak M.C.A. bagi menentukan strategi tuntutan kemerdekaan negara kita.

Hasil perundingan itu ialah desakan supaya diadakan pilihan raya umum peringkat kebangsaan secepat mungkin, dan setelah itu wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat mestilah menubuhkan

kerajaan pemerintahan sendiri atau "self-government". Pada tahun 1954, M.I.C. telah masuk Perikatan. UMNO, M.C.A. dan M.I.C. telah bertanding dalam pilihanraya umum yang pertama yang diadakan pada bulan Julai 1955 dan Parti Perikatan yang terdiri dari tiga setia kawan itu telah mendapat kemenangan yang hebat memenangi 51 daripada 52 kerusi pilihanraya yang dipertandingkan untuk Federal Council atau Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan.

Kemenangan hebat ini menunjukkan dengan jelas bahawa kemerdekaan bagi Tanah Melayu tidak dapat ditangguh-tangguhkan lagi. Dalam perundingan-perundingan yang diadakan di London dengan Kerajaan British pada awal tahun 1956, Kerajaan British telah bersetuju memberi Persekutuan Tanah Melayu kemerdekaan penuh pada 31hb Ogos, 1957.

Pada ketika yang bersejarah ini, marilah kita bersama-sama memperingati jasa bakti yang cemerlang dua pemimpin agung negara kita. Kedua putra Melayu ini ialah Allahyarham Datuk Onn bin Jaafar dan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj. Allahyarham Dato Onn ialah penganjur UMNO yang ulung, pengasas UMNO dan penggorak semangat kebangsaan Melayu. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj ialah bapak kemerdekaan negara kita. Di bawah pimpinan Tunku, Malaya telah mencapai kemerdekaan dan kemudian Malaysia pula ditubuhkan melalui berbagai-bagai perubahan dan mencapai kejayaan-kejayaan yang cemerlang baik di dalam dan di luar negeri. Di dalam negeri, perpaduan dan semangat muhibbah telah diperkuatkan dan di luar negeri nama Malaysia adalah harum disisi negara-negara yang merdeka dan berdaulat.

Setelah menoleh ke belakang mengenangkan sejarah peristiwa-peristiwa penting dalam perjuangan UMNO selama suku abad, marilah kita sekarang memandang ke hadapan dan bersama-sama membuat perhitungan dan memikirkan strategi perjuangan kita dalam tahun-tahun tujuh puluhan. Kita ketua-ketua dan ahli-ahli UMNO telah diberi amanah oleh rakyat untuk meneruskan cita-cita dan hasrat rakyat yang belum tercapai.

Pada hari ini kita berikrar kita tidak akan menghampakan harapan dan hasrat rakyat kepada kita semua. Sebagai sebuah Parti yang memerintah, kita telah mencapai berbagai-bagai kemajuan yang diidamkan oleh rakyat, tetapi banyak lagi yang masih

ditunggu oleh mereka dan ini kita akan sempurnakan dengan secepat yang boleh.

UMNO dan kawan-kawannya M.C.A. dan M.I.C. dalam Perikatan telah memerintah Malaya dan sekarang Malaysia tidak putus-putus semenjak tahun 1955—tahun pertama Malaya mencapai taraf pemerintahan sendiri hinggalah sekarang: satu masa yang panjang bagi sebuah parti Politik dalam sebuah negara yang sedang membangun, dan yang memegang kuasa secara demokrasi di dalam sebuah negara yang mempunyai penduduk-penduduk daripada berbagai bangsa.

Kita berbangga dengan rekod ini tetapi kita janganlah berpuas-hati dengan kejayaan-kejayaan kita setakat ini. Kita telah melalui pengajaran dan pengalaman yang tidak begitu manis dalam pilihanraya umum tahun 1969 apabila Parti kita dan kawan-kawan kita telah menang tanpa majoriti yang telah menjadi kebiasaan kepada kita. Saya harap pengalaman itu bukan akan melemahkan kita bahkan sebaliknya ia akan membaharui azam dan tekad kita untuk memeriksa diri kita dan bersiap sedia bagi menghadapi peringkat baru dalam perjuangan politik kita dalam tahun-tahun tujuh puluhan ini.

Sebarang sejarah berkenaan dengan Malaysia tidak akan lengkap tanpa catitan terhadap Peristiwa 13hb Mei yang memaksa-kan kita membatalkan selama 21 bulan pemerintahan demokrasi berparlimen. Alhamdulillah, kita telah pulih semula kepada pemerintahan secara demokrasi, walaupun demokrasi ini adalah demokrasi ala Malaysia iaitu cara yang kita fikir sebaik-baiknya untuk sebuah negara yang penduduk-penduduknya terdiri dari berbagai-bagai kaum yang sedang membangun.

Saya fikir sekadar menyebutkan sahaja Peristiwa 13hb Mei, dan ekoran-ekoran darinya, baik di bidang politik, iktisad dan perhubungan antara kaum dan muhibbah antara bangsa, adalah sudah mencukupi kerana saudara-saudara semua adalah mengetahui peristiwa-peristiwa ini. Perkara yang penting sekarang ialah mustahak kita mendapat pengalaman dan pelajaran daripadanya buat panduan kita di masa-masa akan datang.

Masaalah-masaalah yang kita hadapi sekarang dan di masa-masa yang akan datang adalah berlainan dengan masaalah-masaalah yang ada sebelum Mei 13 tahun 1969. Kita adalah menghadapi masaalah-masaalah dan cabaran yang lebih sulit dan

rumit lagi daripada masa-masa yang sudah. Kerana perjuangan UMNO dalam tahun-tahun tujuh puluhan masuk peringkat baru dan bagi menentukan kejayaan dan kemenangan di gelanggang politik tahun-tahun tujuh puluhan dan lapan puluhan, UMNO dan Perikatan dan Kerajaan sekarang memerlukan corak, lagak dan imej baru; sikap, cara dan pendirian baru—atau new style and new approach dalam pentadbiran dan pimpinan siasah.

Dalam mengamalkan new style dan new approach atau langkah baru ini, dalam pentadbiran dan pimpinan Parti dan Kerajaan, satu faktor yang utama untuk memandu dan menggerakkan kita ke arah kejayaan ialah wujudnya sifat-sifat new realism atau sifat-sifat sanggup menghadapi kenyataan dan hakikat dalam negara—sense of urgency dan priority atau keutamaan yang betul dalam susunan hidup masyarakat kita supaya tindak tanduk hidup kita sesuai dengan tuntutan zaman.

Kejayaan UMNO setakat yang ada ini, ialah terutama sekali kerana taat setia ahli-ahli UMNO di semua peringkat dan di merata ceruk kepada pucuk pimpinan UMNO. Tetapi di masa-masa yang akan datang kita berkehendakkan lebih daripada taat setia daripada ahli-ahli UMNO bagi menjaminkan keutuhan Parti. Kita berkehendakkan perpaduan yang lebih erat lagi dari ahli-ahli UMNO. Kita berkehendakkan ahli-ahli UMNO mempunyai pandangan yang luas dan jauh, daya usaha, tekun dan jujur untuk mendukung dan memimpin UMNO. Perjuangan dan pergolakan politik di tanah air kita hari ini telah masuk ke peringkat baru atau new phase, maka new features atau sifat-sifat baru dalam dasar perjuangan dan matlamat kita mestilah diadakan sesuai dengan kemasukan kita ke dalam peringkat baru ini.

Saya cadangkan bagi menghadapi cabaran-cabaran di peringkat baru dalam tahun-tahun tujuh puluhan ini, UMNO mengadakan manifesto politiknya sendiri dan sempena Jubli Perak UMNO, saya syurkan kita menamakan manifesto politik itu “Manipol 11hb Mei, 1971”.

Manipol 11hb Mei tahun 1971 ini hendaklah dijadikan panduan dan tekad perjuangan ahli-ahli UMNO seluruhnya untuk mara ke hadapan menjadi satu bangsa yang benar-benar bersatu padu, progresif, maju dan tamaddun sesuai dengan zaman hidupnya.

Prinsip-prinsip Manipol 11hb Mei tahun 1971 ialah :

- (1) Kepercayaan kepada Tuhan.
- (2) Kesetiaan kepada Raja dan Negara.
- (3) Keadilan dan Disiplin.
- (4) Keperbadian Negara.
- (5) Kepercualian dan Berdikari.
- (6) Keutuhan demokrasi ala Malaysia.
- (7) Kesedaran hakikat (new realism and dynamism).

Manipol 11hb Mei tahun 1971 hendaklah dijunjung tinggi dan dijadikan asas perjuangan politik UMNO bagi membentuk satu bangsa Malaysia yang sebenar-benarnya kuat dan bersatu padu. Manipol 11hb Mei tahun 1971 ini adalah tambahan-tambahan yang bertujuan bagi menguatkan lagi semangat dan isi Perlembagaan Negara, Rukunegara dan Perlembagaan UMNO sendiri.

Hasrat UMNO sama dengan hasrat rakyat. Parti kita UMNO adalah Parti yang dipunyai oleh rakyat, mewakili rakyat dan telah banyak menunjukkan jasa-jasa dan bakti-bakti kepada bangsa dan negara kita. Kita telah meruntuhkan Malayan Union. Kita telah menegakkan kemerdekaan Tanah Melayu dan mempertahankan kemerdekaan itu. Kita telah mewujudkan Malaysia dan mempertahankan Malaysia. Kita telah berjaya menghadapi rintangan-rintangan dan musuh-musuh, baik dari dalam mahu pun dari luar. Begitu juga dalam parti kita, kita telah menghadapi berbagai krisis dari satu masa ke satu masa, tetapi dengan izin Tuhan, kita telah berjaya mengatasinya semua sekali.

Semua perkara-perkara ini adalah menjadi pengajaran dan pengalaman kepada kita. Pelajaran yang penting sekali yang kita boleh dapati daripada semua perkara-perkara ini ialah sebagai sebuah parti siasah, kita tidak boleh berpisah daripada cita-cita rakyat. UMNO, sebagai parti yang telah mulai diwujudkan untuk menyatupadukan orang-orang Melayu dan yang kemudiannya bersama-sama dengan rakan-rakannya, M.C.A. dan M.I.C., menuntut kemerdekaan dan mewujudkan Malaysia yang kita kasihi, tidak boleh berpisah daripada cita-cita dan hasrat rakyat yang kasihkan negara kita ini.

Kekuatan UMNO adalah terletak di atas kedudukan dan peranan kita bagi memperjuangkan cita-cita dan hasrat rakyat. Dengan sebab itu, jikalau kita berpisah dari cita-cita itu maka kita akan terlepas daripada akar umbi yang menyuburkan dan menguatkan pertumbuhan Parti kita.

Oleh kerana keadaan politik UMNO adalah parti bagi orang-orang Melayu tetapi pada hakikatnya UMNO adalah memperjuangkan kemudahan dan kesenangan untuk semua rakyat yang miskin tanpa mengira bangsa dan UMNO akan mendahului kepentingan nasional dan rakyat daripada kepentingan sectional atau puak-puak yang tertentu. Kita akan memecahkan masalah-masalah berdasarkan kepada kepentingan negara dan keuntungan rakyat seluruhnya terutama sekali mereka yang tidak berada.

Dalam zaman pembangunan ini, apakah sebenar-benarnya perasaan dan hasrat atau cita-cita rakyat khususnya ahli-ahli UMNO? Cita-cita dan hasrat rakyat ialah mereka itu berkehendakkan kepada perubahan nasib. Mereka berkehendakkan taraf hidup mereka diperbaiki supaya menjadi lebih tinggi dan lebih sempurna lagi daripada yang ada pada hari ini. Mereka berkehendakkan kedudukan ekonomi diperbaiki sesuai sebagai rakyat sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Pemimpin-pemimpin UMNO dan Kerajaan Perikatan sedar dan mengetahui cita-cita dan hasrat rakyat ini. Dengan sebab itu, Kerajaan sedang menjalankan ikhtiar-ikhtiar dengan seberapa dayanya yang boleh untuk memperbaiki ekonomi dan taraf hidup rakyat terutama sekali mereka yang miskin dan mundur.

Sebagai ahli-ahli UMNO, kita bersama-sama bertanggungjawab untuk memperjuangkan cita-cita dan tujuan UMNO serta hasrat rakyat dalam lapangan ekonomi dalam meninggikan taraf hidup dan juga mempertahankan dan memperlindung dasar-dasar rukun damai kita, serta memelihara perasaan muhibbah antara warganegara Malaysia yang berbagai keturunan bagi melaksanakan dasar kita untuk melahirkan satu bangsa Malaysia yang tulin, kuat dan maju.

Oleh sebab kita mempunyai cita-cita yang mulia dan tinggi, oleh sebab banyak lagi pekerjaan-pekerjaan mustahak yang kita belum laksanakan, maka sangatlah mustahak kita memperkuatkan Parti kita, memperkuatkan jentera Parti kita. Segala tenaga dan

semangat ahli-ahli UMNO—Pemuda dan Kaum Ibu hendaklah disalurkan bagi melaksanakan usaha-usaha yang berfaedah dan munafaat kepada bangsa dan negara. Parti kita mestilah menurut landasan-landasan disiplin yang tertentu.

Disiplin tidaklah bererti membatasi kebebasan seseorang—kebebasan Pemuda, Kaum Ibu dan ahli-ahli UMNO untuk bergerak atau bersuara. Disiplin hanya sekadar bererti mengenakan aturan-aturan tertentu supaya tiap-tiap gerakan seseorang itu disalurkan sesuai dengan dasar-dasar dan cita-cita perjuangan Parti dan Negara.

Insy Allah, dengan berkat Tuhan, jika ahli-ahli UMNO taat kepada disiplin Parti dan berjuang mengikut landasan-landasan yang telah ditetapkan dan kesemua ahli UMNO, tanpa kira pangkat, terus jujur dan ikhlas dan bersama-sama kita kembali kepada semangat UMNO tahun 1946, atau semangat tahun 1955, UMNO tetap akan terus maju dan berjaya pada masa yang akan datang. Rakyat akan menyokong kita. Syaratnya kita semua kembali kepada semangat tahun 1946 dan 1955, iaitu semangat mengorbankan masa, harta benda dan tenaga semata-mata kerana perjuangan kebangsaan tanpa mengira dan mengharapkan sebarang balasan.

Kekuatan UMNO dari dahulu hinggalah sekarang adalah kerana ahli-ahlinya taat kepada pemimpin-pemimpin agung mereka dan patuh kepada disiplin untuk memelihara perpaduan dalam Parti. Dalam masa dua puluh lima tahun yang lalu, Tuhan telah kurniakan hidayahNya kepada kita dan telah menyertai perjuangan kita. Marilah kita berdoa mudah-mudahan Tuhan tunjukkan jalan yang benar dan jujur untuk kita meneruskan tugas-tugas kita bagi memenuhi kehendak-kehendak dan kepercayaan rakyat kepada kita.

Akhirnya, marilah kita kembali kepada semangat perjuangan kita pada tahun 1946 dan 1955 dan berikrar pada hari yang bersejarah ini untuk berkhidmat kepada bangsa, tanah air dan parti kita dengan penuh ikhlas, jujur dan amanah.

**Berjaya!**